

Dedah gangguan seks: Enam digantung kerja

Oleh NOR AZIAH JAAFAR

PULAU PINANG 14 Feb. — Seorang daripada enam kakitangan sebuah hotel di Tanjong Bunga dekat sini dipaksa berhenti manakala empat lagi digantung kerja selepas membuat pendedahan mengenai gangguan seksual oleh pengurus besar mereka.

Seorang lagi pekerja hotel itu berhenti secara sukarela selepas tidak tahan dengan reaksi daripada pengurus besar hotel itu yang didakwa bertindak semakin biadap apabila mengetahui kelakuannya dilaporkan kepada salah seorang pengarah hotel tersebut.

Kesemua mangsa yang berusia antara 22 hingga 43 tahun mengemukakan aduan kepada Pusat Krisis Wanita Pulau Pinang (WCC) (hari ini mengenai nasib malang mereka.

Sebelum ini, mangsa telah meminta bantuan daripada Biro Pengaduan Dan Perkhidmatan Awam MCA negeri mengenai perkara tersebut serta membuat laporan polis pada 26 Januari lalu bagi menjamin keselamatan mereka selepas menerima ugutan daripada pengurus besar itu yang berbangsa Jerman.

Bagaimanapun, mangsa mendakwa, keadaan menjadi semakin tegang sehingga memaksa mereka membuat laporan polis yang kedua pada 1 Februari lalu berhubung dakwaan gangguan seksual serta ugutan daripada pengurus besar itu.

Selepas beberapa hari aduan kedua dibuat, empat daripada mereka menerima surat digantung jawatan yang ditanda tangani oleh pengurus besar itu, seorang dipaksa berhenti manakala seorang lagi berhenti secara sukarela.

Pengurus besar itu didakwa sering memeluk,



ENAM pekerja sebuah hotel sedang memerhatikan kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja yang ditunjukkan oleh Zarizana Abdul Aziz selepas mengadakan sidang akhbar mengenai gangguan seksual oleh pengurus besar tempat mereka bekerja.

mencium, mengusap rambut serta mencubit pipi dan punggung mangsa serta mengeluarkan perkataan berbau lucah serta menghina terhadap mereka sejak Oktober tahun lalu.

Selain enam mangsa wanita, sebanyak 41 pekerja hotel tersebut turut mengambil tindakan menandatangani satu petisyen membantah tindakan pengurus besar itu yang sering mengeluarkan perkataan kasar terhadap mereka.

Seorang mangsa gangguan seksual itu yang telah berkahwin memberitahu, pengurus besar hotel itu sering memeluk dan mencium pipinya selain mengelu-

arkan perkataan berbau lucah dan menghina kepadanya serta pekerja lain.

"Ketika saya menegur perbuatannya itu, beliau berkata pihak hotel tidak boleh mengambil apa-apa tindakan terhadapnya kerana dia sangat kaya. Dia juga memberi alasan perlakuan itu satu kebiasaan dalam masyarakat Eropah," katanya sambil menangis.

Seorang lagi mangsa yang bekerja di restoran hotel itu memberitahu, pengurus besar itu pernah mengajaknya bermalam.

Sementara itu, Presiden WCC, Zarizana Abdul Aziz berkata, beliau kesal kera-

na pihak pengurusan hotel itu gagal menyelesaikan isu itu mengikut Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia, baru-baru ini.

Beliau seterusnya menggesa pihak-pihak berwajib supaya memberi perhatian terhadap insiden seumpama ini bagi memastikan semua pekerja wanita mendapat perlindungan dan pembelaan sewajarnya.

Difahamkan, pengurusan hotel itu tidak mengambill apa-apa tindakan terhadap pengurus besar tersebut berikutan kejaya-

annya membawa keuntungan kepada hotel itu.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Pendidikan Dan Pembangunan Sumber Manusia Negeri, Datuk Dr. Toh Kin Woon ketika menemui mangsa memberitahu, pihaknya akan menyiasat dakwaan tersebut serta mencari jalan bagi menyelesaikannya.

Beliau juga akan mencadangkan supaya Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan supaya memberi lebih perhatian terhadap kes gangguan seksual selain masalah kesihatan dan keselamatan pekerja.